



International Research Journal of Shariah,
Muamalat and Islam (IRJSMI)

Journal Website: <http://irjsmi.com/>
eISSN: 2682-8553



TAHAP PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP ZAKAT MAL MUSTAFAD: KAJIAN DI NEGERI KEDAH

CUSTOMER PERCEPTION ON ZAKAT MAL MUSTAFAD IN KEDAH

Mohd Sollehudin Shuib¹, Suhaimi Ishak², Mohamad Naimi Mohamad Nor³, Amirul Faiz Osman⁴,
Raja Rizal Iskandar Raja Hisham⁵, Mohammad Taquiuddin Mohamad⁶, Faizi Zaini⁷

- ¹ Felo Institut Penyelidikan Inovasi Zakat UUM, Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
Email: sollehudin@uum.edu.my
- ² Pensyarah Tunku Intan Syafinaz School of Accounting, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
Email: suhaimiik@uum.edu.my
- ³ Pensyarah Tunku Intan Syafinaz School of Accounting, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
Email: naimi@uum.edu.my
- ⁴ Felo Institut Penyelidikan Inovasi Zakat UUM, Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
Email: amirulfaiz@uum.edu.my
- ⁵ Felo Institut Penyelidikan Inovasi Zakat UUM, Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia
Email: rajarizal@uum.edu.my
- ⁶ Pensyarah Jabatan Syariah dan Ekonomi Universiti Malaya (UM), Malaysia
Email: m.taqiuddin@um.edu.my
- ⁷ Pensyarah Department Ekonomi Syariah, UPN Jakarta, Indonesia
Email: faizi.zaini@gmail.com

Article Info:

Article history:

Received date: 30.01.2019
Revised date: 02.02.2020
Accepted date: 04.02.2020
Published date: 13.03.2020

Abstrak:

Potensi zakat mal mustafad sepatutnya lebih tinggi sumbangannya kepada institusi zakat berdasarkan data pekerjaan dan upah setempat. Walaupun kutipan zakat ini tertinggi berbanding jenis zakat lain, masih terdapat kumpulan yang kurang keterlibatan dengan zakat jenis ini. Kajian ini meneroka persepsi masyarakat pekerja terhadap zakat mal mustafad. Pekerja kerajaan dan swasta seluruh Negeri Kedah menjadi sampel kajian ini. Analisis deskriptif dari aspek kefahaman, sikap dan norma sosial digunakan dalam melihat persepsi mereka terhadap zakat ini. Dapatan menunjukkan skor yang tinggi terhadap ketiga-tiga sisi ini. Masyarakat pekerja amat memahami tentang kewajipan zakat ini namun potensi kutipan masih belum mencapai tahap yang diharapkan.

<p>To cite this document:</p> <p>Shuib, M. S., Ishak, S., Nor, M. N. M., Osman, A. F., Hisham, R. R. I. R., Mohamad, M. T., & Zaini, F. (2020). Tahap Penerimaan Masyarakat Terhadap Zakat Mal Mustafad: Kajian di Negeri Kedah. <i>International Research of Shariah, Muamalat and Islam</i>, 2 (3), 23-31.</p> <p>DOI: 10.35631/IRJSMI.23002.</p>	<p>Kata Kunci:</p> <p>Zakat, Mal Mustafad, Zakat Pendapatan</p> <p>Abstract:</p> <p>The potential for charity zakat is high for zakat institutions based on local employment and wage data. Despite the highest zakat collection, there are still groups that have little involvement with this type of charity. This study explores the perception of the workers' community on zakat mustafad zakat. Government and private workers throughout the State of Kedah are the samples of this study. Descriptive analysis of aspects of understanding, attitudes and social norms was used to assess their perception of zakat. The findings show high scores on these three sides. The working community is very aware of this zakat obligation but the potential for collection has not reached the expected level.</p> <p>Keywords:</p> <p>Zakat, Mal Mustafad, Zakat Income</p>
---	--

Pendahuluan

Zakat merupakan kewajipan utama selari dengan solat dan puasa. Zakat mula diwajibkan pada tahun kedua hijrah. Zakat merupakan harta yang perlu dikeluarkan oleh mereka yang mempunyai lebih harta (cukup haul dan nisab). Harta yang dikenakan zakat adalah emas, perak, hasil perniagaan, harta mustafad, hasil penternakan dan pertanian, fitrah, wang simpanan dan harta dari perut bumi. Semua sumber zakat ini dikategorikan sebagai dua kategori utama zakat iaitu Zakat Harta dan Zakat Fitrah (Muaz, Norita & Fakhri, 2016).


Zakat Pendapatan dan zakat mal mustafad adalah dua perkara yang berhubungan namun kadangkala dilihat mempunyai perbezaan. Zakat mal mustafad bersifat lebih luas iaitu merangkumi zakat dari pelbagai sumber termasuklah dari sumber pendapatan. Kajian berkaitan gelagat kepatuhan zakat pendapatan telah dijalankan oleh Md. Idris, Kamil (2009), Hanif Mohamed Nor (2018), Fidlizan (2016), Zainol Bidin (2009), Noor Hashimah Mohd Shafie Amizawati Mohd Amir (2018). Setakat ni kajian tahap penerimaan bertumpu kepada kajian penerimaan golongan tertentu terhadap zakat pendapatan dan zakat perniagaan. Sukar untuk ditemui kajian terhadap penerimaan zakat mal mustafad berbanding zakat pendapatan. Ini kerana walaupun sama, ruang lingkup zakat mal mustafad nampak lebih luas. Justeru sejauhmana penerimaan dan pemahaman masyarakat berkaitan zakat ini.

Zakat mal mustafad merujuk kepada zakat yang dikenakan kepada tiga jenis harta iaitu zakat dari pendapatan dan upah, zakat dari harta kerja bebas dan professional dan zakat dari harta mustaghallat. Termasuk dalam kategori mal mustafad adalah sebarang hasil bebas seperti sewaan, bonus, tuntutan lebih masa, gratuity, pampasan, pencen, komisyen, royalti, keuntungan unit amanah dan seumpamanya. Zakat Mal Mustafad ini menjadi asas kepada sarjana dalam menetapkan kewajipan zakat pendapatan. Turut ddikategori dalam zakat mal mustafad adalah zakat ke atas mana-mana perolehan harta yang bukan disebabkan pelaburan seperti hibah, hadiah, pusaka dan sebagainya mencakupi harta dalam bentuk wang, emas, perak, binatang ternakan dan yang lain.

Objektif Kajian


- i. Mengkaji kefahaman masyarakat terhadap zakat mal mustafad
- ii. Mengkaji sikap dan normal sosial masyarakat zakat mal mustafad

Tahap Penerimaan Masyarakat di Negeri Kedah Terhadap Mal Mustafad



Kajian Literatur

Al-Qaradawi dalam Fiqh Zakat membahaskan tiga jenis mal mustafad. Mal mustafad yang pertama adalah al-amalah iaitu harta yang diperoleh dari gaji dan upah hasil pekerjaan tertentu. Jenis kedua iaitu al athiyah iaitu harta yang diperoleh dari bonus atau elaun tetap yang diterima secara tetap atau tidak. Jenis mustafad ayg ketiga iala al mazalim iaitu jenis harta yang disiti secara tidak sah oleh penguasa terdahulu dan telah dianggap hilang oleh pemilik asalnya kemudian dikembalikan oleh penguasa baharu (Qardhawi, 2002).



“Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

Kamil Idris (Kamil & Ahmad Mahdzan, 2002) telah mengkaji berkaitan tahap penerimaan zakat pendapatan. Kemudian terdapat beberapa artikel lanjutan oleh Kamil berkaitan kajian awal beliau. Ram al Jafri (Jaffri Saad, Bidin, Idris, & Md Hussain, 2010) telah mengkaji berkaitan tahap penerimaan zakat perniagaan. Zainol (ZAINOL BIDIN & KAMIL MD. IDRIS, 2009) telah mengkaji berkaitan kepatuhan zakat pendapatan berdasarkan dua gelagat.

Kajian berkaitan penerimaan antaranya oleh (Wahid, Kader, & Ahmad, 2012) berkaitan penerimaan asnaf terhadap penempatan, penerimaan dan tanggapan masyarakat terhadap sumber zakat harta yang diikhtilaf (Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2005).

Kajian ini mengalih tumpuan kajian terdahulu dari skop Universiti Utara Malaysia kepada negeri Kedah. Keduanya skop staf kerajaan dilebarkan kepada staf kerajaan dan swasta. Ketiganya pastinya berkaitan elemen penggunaan terma zakat mal mustafad berbanding penggunaan terma zakat pendapatan dalam kajian terdahulu. Kajian juga berasaskan konsep penyelidikan kontrak iaitu terdapat permintaan institusi untuk menjalankan kajian bagi pihak mereka. Walaupun zakat pendapatan penyumbang tertinggi kutipan, namun potensi zakat mal mustafad ini adalah lebih tinggi sekiranya lebih ramai pembayar berkelayakan melibatkan diri.

Metodologi Kajian

Kajian berkaitan penerimaan, gelagat dan persepsi biasanya dijalankan secara kuantitatif. Soal selidik akan diedar dalam mendapatkan jawapan bagi persoalan yang dikaji. Namun kajian begini juga boleh dijalankan secara temubual bersemuka.

Kajian kuantitatif merujuk kepada kaedah kajian yang mendapatkan data dalam bentuk bilangan (kuantiti) sama ada data yang sememangnya berbentuk bilangan mahupun data deskriptif yang diolah dalam bentuk bilangan. Hal ini bagi memudahkan pengkaji membuat analisis dengan alat statistik.

Populasi sebenar kajian perlu dikenalpasti bagi menentukan jumlah soal selidik yang akan diedarkan. Sampel akan dipilih menggunakan kaedah sampel rawak. Soal selidik yang diedarkan biasanya melebihi jumlah sampel yang diperlukan. Soal selidik dibentuk berdasarkan objektif kajian dan juga pembolehubah kajian. Soal selidik akan diuji terlebih dahulu sebelum data sebenar dikumpul. Idea soal selidik diambil dari kajian Hafizah Zainal, Kamil Idris, Zainol Bidin dan Fidlizan Muhammad (ibid). Data yang diperolehi akan di analisis menggunakan aplikasi SPSS dan dianalisis secara deskriptif dalam melihat kefahaman, sikap dan norma sosial masyarakat pekerja terhadap zakat ini.

Dapatan

Demografi

Demographic Profile	Sub-Profile	Frequency (n)	Percentage (%)
Jantina	Lelaki	163	47.4
	Perempuan	181	52.6
Umur	15-20 tahun	18	5.2
	21-30 tahun	111	32.3
	31-40 tahun	128	37.2
	41-50 tahun	39	11.3
	51-60 tahun	41	11.9
	61 tahun ke atas	7	2.0
Pendidikan	Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	13	3.8
	Penilaian Menengah Rendah (PMR)	8	2.3
	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	93	27.0
	Diploma	94	27.3

Sarjana Muda	79	23.0
Sarjana (Masters)	48	14.0
Doktor Falsafah (PhD)	9	2.6

Jadual 1: Demografi

Kajian di Negeri Kedah ini telah mengambil sampel terdiri dari 163 responden lelaki dan 181 responden pekerja perempuan menjawab soalselidik ini. Umur 31-40 merupakan paling tinggi menjawab soal selidik ini diikuti 21-30 tahun. Umur paling rendah responden adalah dari kumpulan 61 tahun ke atas. Responden berpendidikan SPM, Diploma dan ijazah mendominasi carta yang memberi respon kajian. Purata pendapatan pula ramai yang menjawab berpendapatan di bawah 2000. Temubual di LZNK jua menunjukkan mereka yang bergaji RM1200 sudah mula membuat bayaran zakat di LZNK. Responden dari sektor awam dan swasta adalah sama, sementara responden Kubang Pasu dan Kota Setar paling ramai menjawab soal selidik ini.

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Sumber/Jenis Pendapatan (Gaji)	344	0	1	.87	.341
Sumber/Jenis Pendapatan (Elaun)	344	0	1	.33	.469
Sumber/Jenis Pendapatan (Bonus)	344	0	1	.13	.334
Sumber/Jenis Pendapatan (Dividen Pelaburan)	344	0	1	.07	.255
Sumber/Jenis Pendapatan (Hadiah)	344	0	1	.02	.151
Sumber/Jenis Pendapatan (Hasil Sewaan)	344	0	1	.06	.234
Sumber/Jenis Pendapatan (Pusaka)	344	0	1	.05	.211
Sumber/Jenis Pendapatan (Hibah)	344	0	1	.02	.141
Sumber/Jenis Pendapatan (Lain-lain)	344	0	1	.05	.211

Jadual 2: Sumber Pendapatan

Jadual 2 memperincikan berkaitan sumber pendapatan responden. Sebahagian besar responden menerima pendapatan utama dari gaji berdasarkan nilai mean yang ditunjukkan, sementara mean paling rendah adalah sumber pendapatan dari hibah dan hadiah. Sumber pendapatan mustafad kedua tertinggi adalah dari elaun yang diterima diikuti sumber mustafad dari bonus. Sumber seterusnya adalah hasil pelaburan dan juga hasil sewaan.

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Saya tahu bahawa Zakat wajib dibayar jika mencukupi haul (tempoh) dan nisab (timbangan)	344	1	5	4.71	.542
Saya tahu bahawa Haul (tempoh) pengiraan zakat adalah setahun	344	1	5	4.50	.767
Saya tahu bahawa Nisab (timbangan) pengiraan zakat berdasarkan 85 gram emas	344	1	5	4.07	.933
Saya tahu bahawa Kadar zakat yang diwajibkan ialah 2.5%	344	1	5	4.32	.839
Saya tahu bahawa Zakat diagih kepada lapan (8) asnaf	344	1	5	4.30	.878
Saya tahu bahawa tidak membayar zakat adalah berdosa	344	2	5	4.73	.505

Jadual 3: Kefahaman Kewajipan Berzakat

Berkaitan kesedaran responden terhadap kewajipan berzakat menunjukkan mean paling tinggi adalah mereka bersetuju bahawa tidak membayar zakat adalah berdosa. Sementara mean paling rendah adalah tentang nisab zakat.

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Gaji pokok tahunan saya perlu dikenakan zakat setelah menolak perbelanjaan yang sepatutnya	344	1	5	4.10	.942
Elaun sepanjang setahun yang saya dapat perlu dikenakan zakat setelah menolak perbelanjaan sepatutnya	344	1	5	3.76	1.013
Bonus yang saya dapat perlu dikenakan zakat	344	1	5	3.54	1.032
Hibah yang saya dapat perlu dikenakan zakat	344	1	5	3.52	1.036
Dividen yang saya dapat perlu dikenakan zakat	344	1	5	3.62	1.014
Pendapatan dari sewaan yang saya dapat perlu dikenakan zakat	344	1	5	3.63	1.039
Setahu saya zakat pendapatan (mal mustafad) hanya zakat ke atas gaji dan elaun sahaja	344	1	5	3.62	.988
Setahu saya zakat pendapatan (mal mustafad) turut meliputi bonus, pampasan, VSS, pencen, insentif dll	344	1	5	3.60	.942

Jadual 4: Kefahaman Zat Mal Mustafad

Kefahaman responden berkaitan zakat mal mustafad (zakat pendapatan) pula menunjukkan gaji merupakan mean paling tinggi, iaitu mereka setuju gaji adalah perlu dikenakan zakat dan termasuk dalam zakat mal mustafad. Sementara mean paling rendah adalah berkaitan hibah perlu dikenakan zakat.

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Saya percaya menunaikan zakat pendapatan (mal mustafad) adalah sesuatu yang baik	344	1	5	4.42	.712
Saya percaya menunaikan zakat pendapatan (mal mustafad) adalah sesuatu yang bermanfaat	344	1	5	4.45	.677
Saya percaya menunaikan zakat pendapatan (mal mustafad) adalah sesuatu yang bernilai	344	1	5	4.48	.657
Saya percaya menunaikan zakat pendapatan (mal mustafad) adalah sesuatu yang membantu orang lain	344	1	5	4.47	.652
Saya akan berasa tenang apabila menunaikan zakat pendapatan (mal mustafad)	344	1	5	4.51	.679
Saya percaya satu kewajipan telah saya laksanakan dengan mengeluarkan zakat pendapatan (mal mustafad)	344	1	5	4.48	.752
Saya memiliki kemampuan untuk menunaikan zakat pendapatan (mal mustafad)	344	1	5	3.97	1.026
Saya juga ragu-ragu bahawa menunaikan zakat pendapatan (mal mustafad) adalah sesuatu yang baik	344	1	5	2.50	1.424

Jadual 5: Sikap Terhadap Kewajipan Berzakat

Sikap responden terhadap zakat mal mustafad menunjukkan responden percaya dengan menunaikan zakat mal mustafad mereka telah melaksanakan satu kewajipan. Mereka juga percaya menunaikan zakat ini merupakan sesuatu yang bernilai. Ini ditunjukkan oleh mean tertinggi 4.48. sementara mean yang terendah ditunjuk oleh soalan negative tentang keraguan responden terhadap zakat mal mustafad.

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Majikan saya berpendapat saya perlu membayar zakat pendapatan di institusi zakat	344	1	5	3.69	1.037
Pasangan saya berpendapat bahawa saya perlu membayar zakat di institusi zakat	344	1	5	3.76	1.012
Ibu bapa berpendapat bahawa saya perlu membayar zakat di institusi zakat	344	1	5	3.74	.997
Rakan sekerja saya berpendapat bahawa saya perlu membayar zakat di institusi zakat	344	1	5	3.68	1.015
Rakan baik saya berpendapat bahawa saya perlu membayar zakat di institusi zakat	344	1	5	3.72	1.021

Jadual 6: Norma Sosial Kewajipan Berzakat

Responden secara norma sosial bersetuju bahawa pasangan paling mempengaruhi mereka dalam membayar zakat mal mustafad. Sementara rakan sekerja paling rendah mempengaruhi mereka dalam hal berzakat.

Kesimpulan

Masyarakat di Negeri Kedah menunjukkan bahawa mereka mamahami dengan baik berkaitan zakat mal mustafad. Kesedaran responden terhadap kewajipan berzakat menunjukkan mean paling tinggi adalah mereka bersetuju bahawa tidak membayar zakat adalah berdosa. Sementara mean paling rendah adalah tentang nisab zakat. Kefahaman responden berkaitan zakat mal mustafad (zakat pendapatan) pula menunjukkan gaji merupakan mean paling tinggi, iaitu mereka setuju gaji adalah perlu dikenakan zakat dan termasuk dalam zakat mal mustafad. Sementara mean paling rendah adalah berkaitan hibah perlu dikenakan zakat. Sikap responden terhadap zakat mal mustafad menunjukkan responden percaya dengan menunaikan zakat mal mustafad mereka telah melaksanakan satu kewajipan. Mereka juga percaya menunaikan zakat ini merupakan sesuatu yang bernilai. Ini ditunjukkan oleh mean tertinggi 4.48. sementara mean yang terendah ditunjuk oleh soalan negative tentang keraguan responden terhadap zakat mal mustafad. Responden secara norma sosial bersetuju bahawa pasangan paling mempengaruhi mereka dalam membayar zakat mal mustafad. Sementara rakan sekerja paling rendah mempengaruhi mereka dalam hal berzakat.

Penghargaan

Penghargaan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat UUM dan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK)

Rujukan

- Abd Wahab, N., & Abdul Rahim, A. R. (2013). Determinants of Efficiency of Zakat Institutions in Malaysia: A non-parametric Approach. *Asian Journal of Business and Accounting*. <https://doi.org/10.1089/hum.2008.7.180>
- Ahmad, S., & Wahid, H. (2005). Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Persepsi Agihan Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Jurnal Ekonomi Malaysia*.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Fatimah Salwa Abdul Hadi, Nor Hamizah Saidin(2016), Kepatuhan Pengiraan Zakat Pendapatan Kumpulan Profesional di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Sains Humanika, UTM Press. Diambil dari <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/734/580>
- Hafizah, Z., Azizi, A. B., & Ram Al Jaffri, S. (2016). Reputation, satisfaction of zakat distribution, and service quality as determinant of stakeholder trust in zakat institutions. *International Journal of Economics and Financial Issues*.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, & Sanep Ahmad. (2005). Kesedaran membayar zakat: apakah faktor penentunya? *IJMS 12*.
- Hanif Mohamed Nor, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor (2018)Kesan Kefahaman Fatwa Zakat Pendapatan Terhadap Gelagat Membayar Zakat Pendapatan: Kajian di Politeknik Ungku Omar Ipoh, Perak Mohamed, PERKEM 2018. Diambil dari https://www.researchgate.net/publication/328136618_Kesan_Kefahaman_Fatwa_Zakat_Pendapatan_Terhadap_Gelagat_Membayar_Zakat_Pendapatan_Kajian_di_Politeknik_Ungku_Omar_Ipoh_Perak
- Idris, K. M. (2006). Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *Journal of Ethics, Legal and Governance*.
- Jaffri Saad, R. Al, Bidin, Z., Idris, K. M., & Md Hussain, M. H. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan. *Jurnal Pengurusan*.
- Kamil, M. I., & Ahmad Mahdzan, A. (2002). Peranan sikap dalam gelagat kepatuhan pendapatan gaji. *Analisis*.

- Muaz, Norita & Fakhri, (2016), Konsep Zakat dan Peranannya Terhadap Masyarakat Sejahtera, Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)
- Qardhawi, Y. (2002). Fiqh al-zakah. *Beirut: Muassasat Al-Risalah*.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2005). Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap Sumber Zakat Harta yang Diikhtilaf. *Islamiyyat*.
- Sani Adamu, M., & Ram Al Jaffri, S. (2016). Determinants of trust on zakat institutions and its dimensions on intention to pay zakat: A pilot study. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies*.
- Wahid, H., Kader, R. A., & Ahmad, S. (2012). Penerimaan Amil dan Asnaf terhadap Penyetempatan Pengagihan Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*.
- Zainol Bidin, & Kamil Md. Idris. (2009). Ramalan Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji: Perbandingan Teori Tindakan Beralasan Dan Teori Gelagat Terancang. *Ijms 16*.